



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**TINGKATKAN ILMU, MANFAATKAN WAKTU**

**Tarikh Dibaca:**

**5 REJAB 1447H /  
26 DISEMBER 2025**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إِذَا قُلْتُمْ فَاسْتَعِينُوا بِعِلْمِكُمْ  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## TINGKATKAN ILMU, MANFAATKAN WAKTU

26 DISEMBER 2025 / 5 REJAB 1447H

أَحْمَدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا يَفْسَحِ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ انشُزُوا فَانْشُزُوا يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ﴾

﴿المجادلة [11]﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Takwa bukan sekadar menjaga larangan dan perintah-Nya, tetapi juga bagaimana kita memanfaatkan setiap detik kehidupan untuk menambah ilmu, beramal dengan hikmah dan menyebarkan manfaat kepada orang lain. Firman Allah SWT dalam Surah al-Mujadalah ayat 11 yang dibacakan khatib tadi bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan derajat orang-orang yang beriman antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa derajat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan.”*

Khutbah pada hari ini bertajuk: **“Tingkatkan Ilmu, Manfaatkan Waktu”**.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,**

Ilmu adalah cahaya yang menerangi kehidupan. Dengan ilmu, manusia mengenal Tuhannya, memahami hakikat dunia, dan menunaikan amanah kehidupan dengan penuh makna. Tanpa ilmu, manusia akan mudah hanyut dalam kejahilan dan hawa nafsu. Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis riwayat Ibnu Majah:

*“Menuntut ilmu adalah kewajiban ke atas setiap Muslim”*

Namun ilmu bukan sekadar hafalan atau kelulusan di atas kertas. Ilmu yang diberkati ialah ilmu yang melahirkan adab, menumbuhkan kasih, dan menjadikan manusia lebih tunduk kepada Allah. Imam al-Ghazali pernah menegaskan:

*“Ilmu tanpa adab adalah kebinasaan dan adab tanpa ilmu adalah kesesatan”*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Masa adalah modal kehidupan. Setiap detik yang berlalu tanpa ilmu dan amal ialah kehilangan yang tidak dapat diganti. Apabila ilmu diabaikan dan masa disia-siakan, manusia akan kehilangan arah. Maka lahirlah kekeliruan dalam berfikir dan kekosongan dalam beriman. Hari ini kita melihat pelbagai fahaman dan ideologi cuba menyesatkan umat. Ada yang menolak fitrah, menormalisasi maksiat atas nama hak dan kebebasan, bahkan mempersenda hukum Allah yang suci. Semua ini berpunca daripada ilmu yang tidak berpaksikan iman dan akal yang tidak tunduk kepada wahyu.

Dalam masa yang sama, gejala sosial semakin parah, kadar perceraian meningkat, keluarga kian longgar hubungan, dan kasih sayang hilang makna. Apabila rumah tangga runtuh, masyarakat turut goyah dan apabila masyarakat hilang panduan beragama, dosa dianggap budaya. Inilah saatnya kita kembali memperkuat ilmu akidah dan kefahaman agama agar umat tidak hanyut dalam arus pemikiran songsang. Ilmu yang sahih ialah benteng iman, penyuluh hati, dan penyelamat keluarga serta ummah di masa depan.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,**

Kita hidup dalam zaman maklumat yang laju, tetapi kefahaman yang semakin dangkal. Segala ilmu boleh dicapai di hujung jari, namun kebijaksanaan tidak datang tanpa mujahadah. Anak-anak kita mungkin cemerlang akademik, tetapi belum tentu kukuh adab dan rohaninya. Hari ini kadar celik digital negara sudah mencapai lebih 80%, namun yang kita bimbangkan, maklumat banyak, tetapi hikmah semakin kurang. Ramai yang sibuk menggenggam gajet, tetapi tidak menggenggam masa untuk ilmu yang bermanfaat. Maka, cabaran zaman ini bukan kurang maklumat, tetapi hilang keupayaan menapis yang benar daripada yang sia-sia.

Tanggungjawab mendidik generasi berilmu bukan hanya tugas sekolah, tetapi amanah seluruh ummah. Rumah ialah madrasah pertama, ibu bapa adalah guru pertama dan kasih sayang adalah asas pertama. Didiklah anak-anak dengan ilmu yang membina akal dan iman. Bimbing mereka agar tahu beza antara pintar dan beradab, antara pandai dan beriman.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Menghargai ilmu bukan sekadar membaca buku, tetapi membuka hati. Manfaatkan waktu bukan sekadar mengurus jadual, tetapi menilai makna kehidupan. Kita mesti berfikir apakah sumbangan ilmu kita kepada ummah? Apakah masa kita dihabiskan untuk membina sesuatu yang bermanfaat, atau hanya berlalu dalam kelalaian? Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar merumuskan khutbah hari ini kepada tiga perkara;

**1. Tingkatkan ilmu yang sahih dan beradab, kerana ilmu berpaksikan iman ialah cahaya yang memelihara akidah dan akhlak umat.**

**2. Hargai masa dengan ilmu dan amal, kerana waktu yang disia-siakan melahirkan kekosongan iman dan kerosakan masyarakat.**

**3. Didik generasi berilmu dan beriman sebagai amanah bersama, bermula dari rumah agar lahir masa depan ummah yang kukuh dan berakhlak.**

Marilah kita mendidik diri agar menghargai waktu dan mencintai ilmu. Ilmu tanpa amal adalah kegelapan, amal tanpa ilmu adalah kesesatan, dan waktu tanpa kedua-duanya adalah kerugian. Menginsafi diri bahawa kita bakal melangkah ke tahun 2026, inilah masa terbaik untuk bermuhasabah. Tahun yang berlalu menjadi cermin menilai sejauh mana ilmu telah diamalkan dan masa telah dimanfaatkan. Jadikanlah tahun 2025 berlalu sebagai muhasabah untuk menjadikan tahun 2026 bermula dengan azam untuk menjadi hamba Allah yang lebih berilmu, berdisiplin dengan waktu dan lebih banyak memberi manfaat kepada ummah. Kerana di tangan umat yang berilmu dan berakhlak, di situlah terbinanya masa depan ummah kelak.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ  
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا

الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ د-قُرْتَوَانِ اِكْخُغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاغْ قُرْمَايسُورِي اِكْخُغْ، رَاغْ زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

\* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يُعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ  
أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.